



**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PROGRAM/AKTIVITI DI BAWAH INISIATIF
FRIENDS OF RIVERS (FOR) NEGERI SELANGOR OLEH LEMBAGA URUS AIR
SELANGOR
(U007-G2-001-00)**

1. PENDAHULUAN

1.1 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor pada 25 Januari 2019 telah meluluskan pewujudan Jawatankuasa Pelaksana Pemuliharaan Sungai-Sungai di Negeri Selangor. Jawatankuasa ini merangkumi;

- Pengerusi : Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam.
- Setiausaha : Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)
- Ahli : 1) Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN Seksyen Makro dan Penswastaaan)
2) Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor (JPS)
3) Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS)
4) Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor (JAS)
5) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
6) Pejabat Daerah/Tanah (PDT)
7) Landasan Lumayan Sdn. Bhd. (LLSB)
8) Badan Bukan Kerajaan (NGO)

1.2 Jawatankuasa ini diwujudkan bertujuan untuk memantau dan merancang program-program pemuliharaan sungai-sungai di Negeri Selangor. Salah satu inisiatif pemuliharaan sungai yang diperkenalkan melalui jawatankuasa ini adalah pewujudan *Friends of Rivers* (FOR) di setiap sungai-sungai di Negeri Selangor.

- 1.3 Inisiatif FOR Negeri Selangor telah dilancarkan secara rasmi pada 26 September 2020 bersempena dengan Sambutan Hari Sungai Sedunia 2020 Peringkat Negeri Selangor. Inisiatif ini menumpukan kepada pemerksaan komuniti (*community empowerment*) sebagai salah satu pihak berkepentingan yang bertanggungjawab terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan sungai/sumber air serta memainkan peranan sebagai mata dan telinga pihak berkuasa terhadap aktiviti-aktiviti yang mencurigakan di kawasan sungai/sumber air.

2. ISTILAH

2.1 *Friends of Rivers* (FOR)

FOR adalah komuniti yang ditentukan bagi melaksanakan aktiviti/program bertujuan untuk memelihara dan memulihara sumber air dalam kawasan aktiviti FOR agar lebih mapan.

2.2 Kawasan Aktiviti FOR

Kawasan yang ditentukan oleh Lembaga Urus Air Selangor bagi menjalankan aktiviti FOR.

2.3 Aktiviti FOR

Aktiviti bukan pembangunan, atau perniagaan, atau komersial yang dilaksanakan oleh FOR bertujuan untuk memelihara dan memulihara sumber air dalam kawasan aktiviti FOR.

2.4 Rizab Sungai

Sungai itu dan had dataran banjir menghala ke darat yang terletak dalam jarak 50 meter dari tanda air pasang biasa sungai itu dan termasuklah mana-mana rizab sungai yang ditetapkan.

2.5 Perairan Pantai

Bahagian tertentu laut Negeri yang tidak melebihi 3 batu nautika diukur daripada tanda air surut pasang surut perbani biasa dan termasuklah semua tanah yang terletak di antara tanda air pasang dan tanda air surut pasang surut perbani biasa.

2.6 Zon Perlindungan

Zon Perlindungan ialah kawasan yang ditubuhkan di bawah Seksyen 48, Enakmen Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) 1999 bertujuan bagi menyelamatkan mana-mana sumber air, takungan dan kawasan pantai yang sensitif kepada alam sekitar.

2.7 Pegawai Perhubungan FOR

Pegawai Perhubungan FOR adalah kakitangan Lembaga Urus Air Selangor yang dipilih sebagai pemudahcara di antara Lembaga Urus Air Selangor dan FOR.

3. OBJEKTIF

Garis panduan ini disediakan oleh Lembaga Urus Air Selangor sebagai rujukan dan panduan kepada FOR dalam melaksanakan program/aktiviti di kawasan sungai/sumber air agar;

- 3.1 Ianya sejajar dengan peruntukan-peruntukan yang telah digariskan di dalam Enakmen LUAS 1999 dan undang-undang bertulis berkaitan yang lain, dan

- 3.2 Ianya selari dengan tujuan/objektif asal inisiatif ini iaitu pemerksaan komuniti (*community empowerment*) sebagai salah satu pihak berkepentingan yang bertanggungjawab terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan sungai/sumber air.

4. PERKARA-PERKARA YANG DIBENARKAN DALAM KAWASAN AKTIVITI FOR

- 4.1 Aktiviti berikut selagi mana pelaksanaannya tidak bertentangan dengan peruntukan-peruntukan yang telah digariskan di dalam Enakmen LUAS 1999 dan undang-undang bertulis lain yang terpakai.

(a) Pembersihan sungai

Aktiviti pembersihan sungai dan gotong-royong yang menggunakan peralatan seperti cangkul, penyapu, kereta sorong dan lain-lain peralatan yang tidak menjejaskan struktur dan tebing sungai seperti jentolak, traktor dan jentera berat yang lain. Pembersihan sungai daripada sampah sarap yang hanyut boleh menggunakan perangkap sampah yang bersesuaian dan tidak menjejaskan aliran sungai.

(b) Penanaman pokok

Aktiviti penanaman pokok-pokok yang mempunyai sistem akar yang kuat seperti pokok '*willow*', '*vertiver grass*', dan pokok buluh yang dapat membantu mengukuhkan tebing sungai daripada hakisan terutamanya ketika aliran deras akibat hujan di hulu sungai.

Aktiviti penanaman pokok-pokok renek dan teduhan bersaiz kecil dan sederhana sebagai nilai estetika dan keindahan yang tidak

menggunakan baja kimia atau seumpamanya yang berpotensi menyebabkan pencemaran atau penurunan kualiti air sungai.

(c) Landskap

Aktiviti pengindahan landskap semulajadi yang meningkatkan nilai estetika serta tarikan terhadap kawasan sungai.

(d) Riadah dan rekreasi

Aktiviti riadah komuniti dan penduduk setempat yang tidak memberikan kesan kepada struktur dan kualiti air sungai di kawasan tersebut.

(e) Pembinaan denai

Aktiviti pembinaan denai di sepanjang jajaran sungai, kolam atau badan air yang berfungsi sebagai kawasan riadah dan rekreasi merangkumi kemudahan laluan pejalan kaki yang bersesuaian dan tidak menjejaskan struktur sungai serta menghalang kerja-kerja penyelenggaraan sungai.

(f) Kebun komuniti

Aktiviti penanaman tumbuh-tumbuhan dan buah-buahan berskala kecil berkonsepkan teknologi hijau yang tidak menjejaskan kualiti, kuantiti dan struktur sungai, serta tidak menghalang kerja-kerja penyelenggaraan sungai.

Aktiviti kebun komuniti perlu menepati istilah 'Aktiviti FOR' seperti di para 2.3. Kebun komuniti perlu berdaftar dengan pihak berkuasa tempatan mengikut kawasan pentadbiran yang berkaitan. Sebarang kelulusan berkaitan di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain perlu diperolehi terlebih dahulu.

Pelaksanaan aktiviti ini perlu merujuk dan mematuhi Dasar Kebun Komuniti oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, serta Panduan Pelaksanaan Inisiatif Pembangunan Kejiranan Hijau oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan kecuali aktiviti penternakan.

(g) Perletakkan kabin sementara/mudah alih

Perletakkan kabin sementara/mudah alih yang bersesuaian dengan kawasan aktiviti FOR tanpa binaan asas dan tidak menjejaskan struktur sungai serta menghalang kerja-kerja penyelenggaraan sungai. Kabin sementara/mudah alih ini boleh diletakkan bagi membantu pelaksanaan aktiviti FOR yang berkaitan.

(h) Lain-lain

Lain-lain aktiviti yang dilaksanakan bertujuan untuk memelihara kawasan sungai, kolam dan badan air yang sejajar dengan peruntukan Enakmen LUAS 1999 dan undang-undang bertulis yang lain.

5. PERUNTUKAN DAN PENYALURAN

- 5.1 Sejumlah peruntukan disediakan bagi memastikan inisiatif FOR ini dapat dilaksanakan dan memberi manfaat kepada semua komuniti terlibat. Peruntukan ini perlulah digunakan mengikut ketetapan pekeliling yang berkaitan dengan pengurusan kewangan kerajaan dan berdasarkan kepada asas-asas pertimbangan yang sewajarnya merangkumi;

- 5.1.1 FOR terlibat berdaftar di bawah senarai FOR Negeri Selangor yang direkod dan diselenggara oleh Lembaga Urus Air Selangor,
- 5.1.2 Penggunaan peruntukan untuk tujuan program/aktiviti FOR tidak bertentangan dengan peruntukan-peruntukan yang telah digariskan di dalam Enakmen LUAS 1999 dan undang-undang bertulis yang lain,
- 5.1.3 FOR terlibat mempunyai rekod pelaksanaan program/aktiviti yang sewajarnya untuk dijadikan rujukan pertimbangan,
- 5.1.4 FOR terlibat telah berhubung dan berbincang serta diselaraskan dengan Pegawai Perhubungan FOR untuk dilaporkan/dibentangkan kepada pengurusan Lembaga Urus Air Selangor, dan
- 5.1.5 Peruntukan dan aktiviti yang ingin dijalankan adalah munasabah dan wajar, serta dipersetujui oleh pengurusan Lembaga Urus Air Selangor.

6. PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG BERTULIS LAIN

- 6.1 Apa-apa aktiviti yang dijalankan di dalam kawasan aktiviti FOR ini tidak mengesahkan apa-apa perbuatan atau tindakan yang menghendaki kebenaran atau kelulusan tertentu di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain dan FOR tidak terkecuali daripada mematuhi kehendak undang-undang bertulis lain.
- 6.2 Sebarang perkara berbangkit/pertikaian berkaitan aktiviti FOR yang tertakluk/melibatkan pematuhan kepada mana-mana undang-undang bertulis perlu dirunding oleh FOR dengan pihak berkuasa berkenaan

bagi memastikan aktiviti tersebut dilaksanakan berlandaskan tatacara dan perundangan yang berkuatkuasa.

7. PENUTUP

- 7.1 Garis panduan ini perlu dirujuk bersama undang-undang bertulis Lembaga Urus Air Selangor yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti melibatkan sumber air serta undang-undang bertulis lain yang berkaitan.
- 7.2 Garis panduan ini hanya terpakai ke atas program/aktiviti yang dilaksanakan di bawah Inisiatif FOR Negeri Selangor sahaja.
- 7.3 Garis panduan ini berkuatkuasa mulai 1 Januari 2022.

Bertarikh pada¹⁴... haribulan Disember 2021


.....
(Ts. HAJI HASROLNIZAM BIN SHAARI) A.M.S
Pengarah,
Lembaga Urus Air Selangor.